



KERAJAAN NEGERI

KENYATAAN TAWARAN

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputra (STB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang masih sah serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut :-

Gred	Pengkhususan	No. Tender / Tajuk Projek	Taraf Kontraktor	Harga Dokumen Tender
Gred G3 Kategori B dan CE	B04, CE01 dan CE21	SUKNS/T/BP 1/2021 Kerja-kerja Menaiktaraf Pintu Rumah Sampah, Corong Sampah Dan Tempat Parkir Kereta Di Blok A Serta Kerja Berkaitan Di Rumah Pangsa Tun Dr Ismail (Templer), Daerah Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus	Terbuka Bumiputera	RM 100.00 (Tidak dikembalikan)

Naskah meja tender akan dipamerkan mulai **05.03.2021** hingga **26.03.2021** waktu pejabat di **Kaunter Hasil Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 4, Blok D Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.**

2. Dokumen Tender akan dijual mulai **05.03.2021** hingga **26.03.2021**. Dokumen **TIDAK** akan dijual sebelum atau selepas tempoh tersebut.
3. Petender yang ingin memasuki tawaran tender di atas adalah dikehendaki mengeluarkan Wang Tunai / Bank Deraf bagi setiap set dokumen tawaran yang dibuat atas nama "**Bendahari Negeri, Negeri Sembilan**" dan Dokumen Tender boleh didapati di **Kaunter Hasil Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 4, Blok D Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.**
4. Dokumen tawaran akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor/syarikat dikehendaki membawa perakuan/SIJIL **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputra (STB) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU).
5. Petender yang berminat adalah **DIWAJIBKAN** mendaftar secara online melalui '*Google Form*' sebagai ganti lawatan tapak dimana pautan link akan dimuat turun di dalam Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan (www.ns.gov.my) pada 05.03.2021 bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Hanya kontraktor yang berdaftar melalui '*Google Form*' pada tarikh dan waktu ini sahaja dibenarkan membeli Dokumen Tender. Pendaftaran sebelum atau selepas tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima :-

Rujukan Projek	Tarikh Pendaftaran Online	Masa	Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan
SUKNS/T/BP 2/2021	05.03.2021 (Jumaat)	9.00 pagi hingga 5.00 petang	www.ns.gov.my

6. Tender ini ditutup pada **26.03.2021** bersamaan hari **Jumaat**. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 4, Blok D Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** pada hari tersebut sebelum jam **12.00 tengahari**. Tiada sebarang Dokumen yang akan diterima selepas tarikh dan waktu tersebut.